

Usaha perlu dilipatganda kukuhkan kemakmuran

Tadrisan Islam kekal keharmonian

ALOR SETAR, Sabtu

— Malaysia berjaya mengokohkan keadaan keselamatan dan kemakmurannya sekarang kerana negara ini ditadbir berpandukan Islam. Demikian ditegaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, malam tadi.

Kedua terasbut juga berkekal kerana Malaysia sentiasa menjauhi segala ancaman berlawanan dengan agama, kata Perdana Menteri di majlis berbuka puasa bersama penduduk Kampung Gelong dekat Ultra.

Bellau menyeru rakyat mempertahankan keamanan dan kemakmuran di negara ini jika mereka ingin terus menikmati keadaan sedemikian.

"Kita harus insaf dan bersyukur kerana dapat hidup dalam keadaan sempurna dan aman sedangkan di setengah negara, umat Islam hidup tanpa kebebasan beribadat disebabkan penindasan tertentu," katanya.

Menurut Perdana Menteri, ketahanan negara bukan semata-mata bergantung kepada kesanggupan rakyat



■ DATUK SERI DR. MAHATHIR

memiliki senjata kerana negara mempunyai tentera dan polis untuk menangkis sebarang ancaman dan serangan dari luar dan dalam.

Katanya, untuk menjamin kestabilan ekonomi dan keamanan yang berkekal, negara mesti makmur dan kuat serta cukup sumber kekayaan seperti bijih, getah dan kelapa sawit.

Bagi mencapai matlamat tersebut, katanya, rakyat mestilah sanggup melipatganda k a n u s a h a

● Malaysia sentiasa menjauhi amalan yang bertentangan dengan agama. Kita juga harus insaf dan bersyukur kerana dapat hidup dalam keadaan sempurna dan aman sedangkan di setengah negara, umat Islam hidup tanpa kebebasan beribadat disebabkan penindasan tertentu. ●

Oleh
ZAINAL BUJAL

menghasilkan kekayaan dan kemakmuran negara yang lebih besar.

Dato Seri Dr Mahathir menggesa rakyat menyertai kegiatan ekonomi bagi menjamin kejayaan yang lebih besar kepada negara.

"Negara memerlukan pekerja mahir dan separuh mahir di perusahaan besi waja, petroleum, aluminium dan simen," katanya.

Perdana Menteri berkata, banyak peluang pekerjaan diwujudkan dibidang tersebut dan

menasihatkan para bellangan terlalu memilih kerja. Faktor penting yang menjamin kejayaan sesuatu kerjaya ialah kegigihan dan kesanggupan bekerja kerana mencari nafkah yang halal.

Turut hadir di upacara tersebut ialah Menteri Perindustrian, Dato Seri Dr Siti Hassmah, Ahli Dewan Undangan Negeri, Kawasan Tunjung, Haji Hanafi Ramli dan Ahli Parlimen Kawasan Ulu Muda Haji Hashim Zndut.